


WACANA JAWI

Oleh **MUNSYI JAWI**



Akronim dalam Tulisan Jawi

Bagaimanakah ejaan akronim Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, iaitu PBB dalam tulisan Jawi? Adakah pa-ya-ba-a-ba-ya atau pa-ba-ba? Untuk mendapatkan jawapannya, bacalah tulisan ini hingga akhir kerana spek inilah yang akan menjadi okus perbincangan ruangan ini pada bulan ini.

Apakah akronim? Menurut *Kamus Dewan* edisi keempat, kronim bermaksud kependekan yang terbentuk daripada gabungan huruf-huruf pertama atau suku kata beberapa perkataan yang boleh diujarkan sebagai satu perkataan. Perkataan DBP misalnya, merupakan kependekan hasil gabungan huruf-huruf pertama perkataan Dewan Bahasa dan Pustaka. Contoh akronim yang terhasil daripada gabungan suku kata pula ialah MARA kerana perkataan ini terbentuk daripada perkataan Majlis Amanah Rakyat. Dalam sistem tulisan Jawi, terdapat kaedah tertentu untuk mengeja akronim. Bagi akronim yang terbentuk daripada gabungan perkataan bahasa Melayu yang dilafazkan huruf demi huruf seperti DBP, perkataan ini hendaklah ditulis dengan menggunakan huruf dalam abjad

Jawi dan dibubuh tanda titik selepas setiap huruf tersebut. Oleh itu, DBP dieja dal-ba-pa dan bukannya dal-ya-ba-ya-pa-ya. Dengan ini terjawablah persoalan tentang kaedah mengeja akronim bagi perkataan "Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu" yang dibangkitkan pada permulaan tulisan ini. Kaedah pengejaan ini terpakai pada nama jabatan, organisasi, pertubuhan, syarikat dan seumpamanya. Contoh ejaan

Jadual 1 Ejaan akronim daripada perkataan bahasa Melayu untuk organisasi, jabatan dan seumpamanya.

Rumi	Nama Penuh	Jawi
DBP	Dewan Bahasa dan Pustaka	د.ب.ف.
JKR	Jabatan Kerja Raya	ج.ك.ر.
PBB	Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu	ف.ب.ب.
TUDM	Tentera Udara Diraja Malaysia	ت.ا.و.د.م.

Jadual 2 Ejaan akronim daripada perkataan bahasa Melayu untuk jawatan, gelaran, pangkat dan seumpamanya.

Rumi	Nama Penuh	Jawi
PM	Perdana Menteri	ف.م.
KSU	Ketua Setiausaha	ك.س.ا.و.
PJK	Pingat Jasa Kebaktian	ف.ج.ك.

perkataan-perkataan lain yang tergolong dalam kategori ini ditunjukkan dalam Jadual 1.

Kaedah ini juga boleh digunakan pada nama jawatan, gelaran, pangkat dan seumpamanya. Oleh sebab itu, akronim Perdana Menteri, iaitu PM dieja pa-mim. Kaedah mengeja akronim bagi perkataan dalam kategori ini ditunjukkan menerusi Jadual 2.

Berbeza pula halnya dengan akronim yang terbentuk daripada gabungan perkataan bahasa Inggeris yang dilafazkan huruf demi huruf seperti MCA. MCA merupakan kependekan daripada perkataan bahasa Inggeris, iaitu *Malaysian Chinese Association*. Dalam sistem tulisan Jawi, akronim jenis ini perlu ditulis dengan menggunakan sebutan atau nama huruf dalam abjad Rumi yang ditulis dalam huruf Jawi dan dibubuh tanda titik selepas setiap huruf tersebut. Jadual 3 menjelaskan hal ini.

Bagi mengeja akronim daripada perkataan bahasa Inggeris ini, senarai sebutan atau nama bagi huruf Rumi yang ditulis dalam ejaan Jawi seperti yang tertera dalam Jadual 4, boleh dijadikan panduan.

Bagi mengeja akronim daripada perkataan bahasa Inggeris ini, senarai sebutan atau nama bagi huruf Rumi yang ditulis dalam huruf Jawi seperti yang tertera dalam Jadual 4 boleh dijadikan panduan.

Meskipun begitu, ada akronim yang boleh ditulis lengkap sebagai kata. Kaedah ini diguna pakai pada akronim kata nama khas dalam bahasa Melayu atau dalam bahasa Inggeris yang dilafazkan sebagai kata seperti IKIM, MARA dan UNESCO. Begitu juga halnya dengan akronim kata nama am seperti tadika dan kugiran. Ejaan perkataan-perkataan ini dapat dilihat dalam Jadual 5.

Jadual 3 Ejaan akronim daripada perkataan bahasa Melayu untuk jawatan, gelaran, pangkat dan seumpamanya.

Rumi	Nama Penuh	Jawi
MCA	<i>Malaysian Chinese Association</i>	ع.م.س.ي.ا.م.
KLCC	<i>Kuala Lumpur City Centre</i>	ك.ل.س.ي.ا.م.
ADO	<i>Assistant District Officer</i>	ا.د.ي.ا.و.

Jadual 4 Senarai sebutan atau nama huruf Rumi dalam tulisan Jawi.

Rumi	Jawi	Rumi	Jawi	Rumi	Jawi
a	ا	b	ب	c	ج
d	د	e	ه	f	ف
g	ج	h	ح	i	ي
j	ج	k	ك	l	ل
m	م	n	ن	o	و
p	پ	q	ق	r	ر
s	س	t	ت	u	و
v	و	w	دبليو	x	كس
y	و	z	زيت		

Jadual 5 Ejaan akronim yang ditulis lengkap sebagai kata.

Rumi	Nama Penuh	Jawi
IKIM	Institut Kefahaman Islam Malaysia	ا.ك.م.
MARA	Majlis Amanah Rakyat	م.ا.ر.
UNESCO	<i>United Nations Educational Scientific and Cultural Organisation</i>	ي.ا.س.ك.و.
tadika	taman didikan kanak-kanak	تادیکا
kugiran	kumpulan gitar rancak	كوگيران

Ternyata setiap akronim mempunyai kaedah pengejaan yang tersendiri dalam sistem tulisan Jawi. Pedoman ini menjadi garis panduan yang standard untuk pengguna ketika menuliskan akronim dalam tulisan Rumi supaya akronim yang digunakan selaras dan bersistem. DB